

Headline	Tarik minat penjawat awam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B6	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	331 cm ²
Journalist	Mohd Zaky Zainuddin	AdValue	RM 11,163
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,489



Tarik minat penjawat awam

» *Usaha sama pintar Bank Rakyat dengan SPA*

Oleh Mohd Zaky Zainuddin

Bank Rakyat menjangkakan pengenalan perkhidmatan baru hasil daripada usaha sama pintarnya dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) akan dapat meningkatkan jumlah pelanggannya dalam kalangan penjawat awam.

Pengarah Urusannya, Datuk Mustafha Abd Razak, berkata usaha sama pintar itu akan menjadi platform dan pemacu kepada pertumbuhan jumlah pelanggan bank koperasi itu daripada kalangan kakitangan kerajaan baru dan sedia ada.

Katanya, ketika ini lebih 800,000 daripada 1.4 juta penjawat awam di seluruh negara menjadi pelanggan Bank Rakyat, sekali gus menjadi kannya sebagai bank pilihan bagi kakitangan kerajaan.

Perkukuh data pelanggan

“Kakitangan kerajaan mendapat pelbagai manfaat ke atas lebih 20 produk kewangan yang kami tawarkan, jadi menerusi ker-

jasama dengan SPA ini, kami menjangkakan ia dapat memberikan sumbangan ketara kepada prestasi kewangan, di samping

mengukuhkan lagi data pelanggan kami,” katanya kepada media selepas pelancaran usaha sama pintar dengan SPA itu di Putrajaya, semalam.

Yang turut hadir, Pengurus Bank Rakyat, Tan Sri Sabbarudin Chik dan Pengurus SPA, Tan Sri Mahmood Adam.

Ketika ini, Bank Rakyat memiliki kira-kira 3.5 juta pelanggan dengan 1.5 juta adalah pelanggan pembiayaan.

Daripada 1.5 juta pelanggan pembiayaan itu, lebih 900,000 adalah membabitkan pembiayaan peribadi yang mana 90 peratus adalah penjawat awam, manakala baki 10 peratus dari swasta.

Mustafha berkata, kerjasama strategik dengan SPA itu membolehkan Bank Rakyat menyediakan perkhidmatan pembayaran gaji kepada kakitangan keraja-

an.


Hargai penjawat awam

Beliau berkata, objektif utama usaha sama itu adalah bagi menghargai penjawat awam yang menjadi antara kumpulan pelanggan terbesar bank itu selain memudahkan mereka membuat sebarang urus niaga dengan Bank Rakyat.

“Kakitangan yang bersetuju menggunakan perkhidmatan ini akan mendapat kad Rakan Pintar Bank Rakyat, sekali gus dapat menikmati beberapa manfaat istimewa seperti kemudahan perbankan premium di cawangan terpilih.

“Mereka juga akan menikmati diskaun 50 peratus ke atas caj yang dikenakan bagi urus niaga Malaysian Electronic Payment Systems (MEPS) seperti di mesin ATM selain Bank Rakyat, pemindahan dana antara bank serta Tabung Haji dan kadar keuntungan pembiayaan peribadi rendah,” katanya.

Ia adalah kerjasama pertama Bank Rakyat dengan agensi kerajaan bagi menyediakan perkhidmatan pembayaran gaji menerusi bank itu, jelas Mustafha.



Headline	Tarik minat penjawat awam		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Oct 2013	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	192,982
Page No	B6	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	331 cm ²
Journalist	Mohd Zaky Zainuddin	AdValue	RM 11,163
Frequency	Daily	PR Value	RM 33,489



Mahmood bersama Sabbaruddin **melihat replika kad Rakan Pintar Bank Rakyat pada majlis pelancaran usaha sama pintar**

[FOTO MOHD FADLI HAMZAH/BH]